

Dilantik wakil khas ke sidang PBB Datuk Musa bukan duta: PM

KUALA LUMPUR. Khamis – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan laporan yang mengatakan bekas timbalannya, Datuk Musa Hitam dilantik sebagai duta bertaraf menteri ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu PBB.

Beliau menjelaskan, Datuk Musa hanya dipilih menyertai rombongan negara yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba ke persidangan PBB di New York bulan depan.

"Kabinet berseutu melantik beliau sebagai wakil khas negara ke persidangan PBB, bukannya sebagai duta," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan melukis maskot negara di sini hari ini.

Menurutnya, Kabinet juga tidak mempunyai sebarang cadangan setakat ini untuk melantik Datuk Musa sebagai duta yang bertaraf menteri ke PBB.

Beliau berkata, tempoh perkhidmatan Datuk Musa sebagai wakil negara ke PBB juga belum ditetapkan.

Oleh WAN HAMIDI HAMID

Minggu lalu, sewaktu mengumumkan perlantikan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pemilihan bekas timbalannya adalah berdasarkan kemampuannya menjalankan tugas dan tidak ada kena-mena dengan spekulasi bahawa ia adalah percubaan 'memulihkan' perhubungan kedua-dua tokoh itu.

Perhubungan

Serentak dengan itu, Datuk Musa juga dilantik sebagai wakil negara untuk menjemput ketua Kerajaan Komanwel sebelum Mesyuarat Ketua Negara Komanwel (CHOGM) Oktober depan.

Laporan beberapa agensi berita luar negara hari ini, membuat spekulasi menyatakan Datuk Seri Dr Mahathir akan melantik Datuk Musa sebagai duta yang bertaraf menteri ke PBB sebagai

usaha 'memulihkan' perhubungan mereka yang dikatakan boleh mengukuhkan kedudukan Perdana Menteri.

Mengenai persidangan damai Kemboja di Paris, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia kecewa dengan kegagalan rundingan itu mencapai sebarang penyelesaian konkrit.

"Bagaimanapun, kita tidak akan berputus asa untuk mencari penyelesaian damai di rantau ini," ujarnya.

Semalam, rundingan itu dilaporkan mungkin ditangguhkan antara tiga hingga enam bulan bagi mencari penyelesaian politik secara menyeluruh terhadap pertikaian itu yang berlarutan sejak 11 tahun lalu.

Rundingan pusingan kedua selama tiga hari yang berakhir semalam, gagal mengemukakan satu rancangan perdamaian yang menyeluruh bagi menamatkan peperangan di Indochina kerana keempat-empat kumpulan bermusuhan di Kemboja tidak adapt mengatasi perselisihan sesama mereka.